

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG
WEI SHIEN**

[JULAU]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 21

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan berapakah bilangan usahawan usahawan daripada masyarakat Dayak yang menerima geran keusahawanan dan apakah usaha-usaha yang dilaksanakan membantu mereka sejak perubahan tampuk kepimpinan negara pada Mei 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Keusahawanan yang disediakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan menyasarkan semua peringkat lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan agama. Khusus bagi usahawan Bumiputera di Sarawak, Kementerian telah mengadakan **Konvensyen Memperkasakan Usahawan Bumiputera di Kuching Sarawak pada 6 September 2018** untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan usahawan di Sarawak.
2. Seterusnya, pelbagai program keusahawanan dan bantuan pembiayaan telah disalurkan bagi membantu usahawan termasuk daripada masyarakat Dayak. Antaranya adalah:
 - (i) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
 - (a) **Geran pembiayaan berjumlah RM 975 ribu kepada 18 buah koperasi Dayak** bagi tujuan pembelian peralatan, pembinaan premis perniagaan Koperasi, ubahsuai dan naik taraf kedai koperasi;
 - (b) **Pinjaman Tabung Modal Pusingan (TMP) berjumlah RM 780 ribu kepada 3 koperasi Dayak** bagi tujuan pembelian bangunan kedai dan modal pusingan perniagaan.
 - (ii) SME Corporation (SME Corp)
 - (a) **Program Peningkatan Perusahaan Bumiputera (BEEP)** - Sejak Mei 2018, sejumlah **65 geran bersamaan RM9.1 juta** telah diluluskan untuk PKS Bumiputera Sarawak meliputi khidmat nasihat, bantuan teknikal, latihan dan sokongan kewangan dalam bentuk geran bersamaan.

- (b) **Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB)** - Sejak Mei 2018, sejumlah **4 syarikat Bumiputera Sarawak** telah diluluskan **geran bersamaan berjumlah RM51,732** bagi pelaksanaan aktiviti promosi dan peningkatan pembungkusan untuk memperluaskan pasaran ke luar negara.
- (iii) MaGIC
- (a) MaGIC Sarawak telah mewujudkan kerjasama strategik dengan UITM Sarawak, UNIMAS, Swinburne University dan Curtin's University bagi melaksanakan program komuniti dan "roadshow" seperti "Youth Co-Lab", "SPARK", "Idea Lab", "Startup Weekend" dan "Social Enterprise Development" kepada lepasan universiti dan penuntut tahun akhir universti-universiti tersebut.
- (b) MaGIC turut menjalankan program Borneo744 di Kota Kinabalu yang memberi tumpuan kepada bidang keusahawanan, kesenian dan kebudayaan. Selain itu, program **Pre-Accelerator TEGAS (Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak)** turut dilaksanakan dengan kerjasama **KOBIS (Koperasi Belia Inovatif Sarawak)** bagi menjana inovasi dan memberi pendedahan "startup" yang berinovatif.
- (iv) Manakala INSKEN telah melaksanakan program pembangunan modal insan menerusi latihan teknikal keusahawanan jangka pendek 2 hari 1 malam berbentuk

NO. SOALAN: 21

'outcome-based' dan program-program praktikal berbentuk *coaching/ mentoring* selama 4 bulan bagi membantu meningkatkan pengetahuan. Ianya bertujuan meningkatkan taraf ekonomi dan jualan perniagaan serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat di Sarawak.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 21